

# Kenyataan Media

## Press Release

### Untuk Siaran Segera

#### **PENJELASAN MENGENAI PROSES PEMILIHAN SYARIKAT BAGI PENGAGIHAN NETBOOK KOMPUTER 1MALAYSIA FASA 2**

17 Februari 2011, Cyberjaya – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ingin membuat penjelasan mengenai tohmahan kononnya ada penyelewangan dalam proses pemilihan syarikat yang menyertai tender pengagihan netbook Komputer 1Malaysia Fasa 2 yang telah dibangkitkan di sebuah laman sesawang baru-baru ini .

SKMM ingin menegaskan bahawa pemilihan 25 buah syarikat yang berjaya untuk membekalkan sejumlah 349,000 netbook Komputer 1Malaysia Fasa 2 telah memenuhi proses sedia ada yang termaktub di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejangat) 2002. Seterusnya SKMM ingin menekankan bahawa sebagai sebuah badan kawal selia, SKMM sentiasa menjunjung tinggi kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan bagi memastikan integriti proses setiap inisiatif yang dilaksanakannya.

SKMM memandang serius tohmahan yang dilemparkan terhadap proses pemilihan 25 syarikat yang berjaya bagi tender pengagihan netbook Komputer 1Malaysia Fasa 2 dan menafikan sekeras-kerasnya apa-apa dakwaan terhadap sebarang penyelewangan dalam proses tendernya.

Mengaitkan mana-mana pegawai Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan serta Menteri adalah tidak bertanggungjawab dan tidak benar. SKMM sekali lagi ingin menegaskan bahawa pemilihan syarikat yang berjaya telah mengikuti proses dan prosedur yang sedia termaktub di bawah undang-undang.

## Kenyataan Media Press Release

Oleh yang demikian, SKMM meminta supaya sebarang spekulasi yang tidak berasas mengenai keutuhan proses pemilihan 25 syarikat yang berjaya bagi tender pengagihan netbook Komputer 1Malaysia Fasa 2 dihentikan serta merta. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat pihak-pihak yang mempunyai sebarang bukti mengenai dakwaan yang dilemparkan, SKMM meminta supaya ianya disalurkan terus kepada SKMM atau mengikuti saluran rasmi yang ada dan bukannya melalui media.

[Tamat]

---

### **Nota kepada Editor:**

<sup>1</sup> Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media Press Release

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Nurafizza Ahmad

Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Mohd. Rizal Ahmad

Timb. Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Suraya Za'afar

Penolong Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

T: +603 8688 8000

F: +603 8688 1007

E: [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)